



## Penggunaan bahasa Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah

Sa'adiyah Ma'alip<sup>1</sup>, Teo Kok Seong<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

<sup>2</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Correspondence: Sa'adiyah Ma'alip (email: adia@ukm.edu.my)

### Abstrak

Kajian ini meneliti penggunaan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana penggunaan bahasa CheWong dalam domain keluarga dan kekeluargaan mereka. Suku kaum Che Wong merupakan suku kaum Orang Asli Senoi. Namun begitu masyarakat bahasa Che Wong mempunyai bilangan yang kecil. Kajian tertumpu di perkampungan Orang Asli Che Wong, Kuala Gandah. Analisis data tertumpu kepada penggunaan bahasa Che Wong dengan mengaplikasikan kaedah deskriptif iaitu menggunakan pendekatan analisis domain. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat bahasa Che Wong masih cenderung menggunakan bahasa mereka dalam berinteraksi walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar antara mereka dengan masyarakat setempat. Fenomena ini merupakan suatu yang positif kerana sesuatu bahasa terutamanya bahasa masyarakat minoriti akan dapat dikekalkan dengan adanya penggunaan yang aktif oleh mereka sendiri.

**Kata kunci:** Che Wong, Orang Asli, sosiolinguistik, penggunaan bahasa, peralihan dan pengekalan bahasa.

## Language use of Orang Asli Che Wong in Kuala Gandah

### Abstract

The study looked at the language use of Orang Asli Che Wong. The aim of this study was to determine how was the use of Che Wong language in the family domain and their kingship. Che Wong tribe is the tribe of the Senoi communities. However Che Wong language community is small in numbers. The study focused on Aboriginal village of Che Wong, located in Kuala Gandah. Data on the language use of the Che Wong language community were analysed by applying descriptive domain of analysis approach. Based on the findings, it appears that Che Wong community tends to use Che Wong language in their communications although Malay is the medium language between them and the local community. This is a positive phenomenon of the Che Wong language, especially for a minority language community to maintain their language.

**Keywords:** Che Wong, Orang Asli, sociolinguistics, language use, language shift and language maintenance.

### Pengenalan

Bahasa sebagai alat komunikasi atau alat interaksi dimiliki manusia khususnya sesebuah masyarakat Bahasa. Zulkifley Hamid (2014) turut menyatakan bahawa bahasa sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat berupa simbol bunyi yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia. Sebagai alat komunikasi, bahasa mampu melepasi pelbagai batasan dan halangan. Ia mampu melewati batas atau halangan etnik, sempadan geografi atau politik, status dan hirarki sosial, agama dan ideologi dan lain-lain batasan, samaada yang sememangnya secara lumrahnya sedia wujud ataupun sengaja diadakan untuk sesuatu tujuan yang tertentu. Sungguhpun begitu, ternyata pengguna bahasa dari tempat yang berbeza tidak

selamanya saling memahami semasa berinteraksi. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidaklancaran dalam komunikasi, sehingga maklumat yang ingin disampaikan tidak sepenuhnya tercapai. Maka itu, penggunaan Bahasa tertentu dalam melancarkan sesebuah komunikasi.

Malaysia sebagai negara majmuk mempunyai pelbagai budaya yang termasuk juga bahasa yang digunakan oleh setiap masyarakat yang ada. Namun begitu, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama untuk berkomunikasi antara masyarakat yang berbilang ini. Hal ini menyebabkan penggunaan bahasa etnik masyarakat khususnya kaum minoriti akan didominasi oleh bahasa Melayu khususnya. Situasi kebahasaan ini menyebabkan kerisauan sekiranya bahasa ibu sesebuah etnik ini tidak diturunkan kepada generasi muda mereka.

Penggunaan bahasa ibunda kepada generasi muda memainkan peranan utama dalam melestarikan sesebuah bahasa. Ini adalah kerana jika bahasa ibunda, khususnya bahasa masyarakat minoriti yang tidak diturunkan kepada generasi seterusnya, ia boleh menyebabkan peralihan bahasa ibunda tersebut kepada bahasa lain. Menurut Fishman (1991) peralihan bahasa ibu kepada bahasa lain secara menyeluruh boleh berlaku dalam tiga generasi sahaja. Sekiranya proses peralihan bahasa ini berlaku dalam tiga generasi ini disebabkan tidak digunakan oleh penuturnya sendiri, maka kemungkinan bahasa itu akan mengalami kepupusan adalah tinggi. Berkaitan dengan itu, Nelson (2007) mengatakan bahawa kematian sesebuah bahasa boleh berlaku disebabkan masyarakat pengguna bahasa itu sendiri.

Oleh demikian penggunaan bahasa oleh generasi yang lebih tua kepada generasi muda amat diperlukan dalam memastikan bahasa itu boleh terus kekal. Seperti kajian yang dilakukan oleh Mukherjee (2003) terhadap masyarakat Benggali. Ternyata bahawa peranan generasi terdahulu memainkan peranan untuk bahasa tersebut terus kekal. Malah beliau mendapati bahawa kaum wanita masyarakat tersebut merupakan tonggak untuk bahasa tersebut terus dapat dipertahankan kerana kaum wanita masyarakat Benggali menggunakan bahasa ibu mereka kepada generasi muda.

Peranan generasi terdahulu memang sangat penting dalam usaha untuk mengekalkan bahasa, khususnya bahasa kaum minoriti. Dalam menggunakan bahasa kepada generasi muda, domain juga turun memainkan peranan. Menurut Fishman (1972), domain membina sosio-budaya, hubungan antara penyampai dan kawasan komunikasi sejajar dengan institusi sesebuah masyarakat. Bukan itu sahaja, malah Fishman telah menggambarkan satu situasi interaksi sosial yang terbentuk daripada kombinasi faktor-faktor seperti topik perbualan, peserta dan lokasi komunikasi yang berlaku. Situasi yang berlaku inilah dikenali sebagai domain. Malah dinyatakan juga bahawa di bawah domain yang berlainan, kekerapan sesuatu penggunaan bahasa yang digunakan.

Sementara itu, Holmes (2008), menyatakan domain melibatkan suatu interaksi tertentu antara peserta-peserta yang tertentu dalam latar yang tertentu iaitu domain melakarkan tiga faktor yang penting dalam pemilihan bahasa, iaitu peserta, latar dan topik. Dengan membuat analisis maklumat yang diperolehi melalui domain, ia dapat merumuskan bahawa norma-norma penggunaan bahasa dalam sesuatu masyarakat dengan lebih mudah. Bahkan, ia juga dapat menunjukkan kekerapan penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengguna berdasarkan situasi yang berlainan, misalnya penggunaan dengan ahli keluarga dalam domain keluarga. Oleh itu penggunaan bahasa oleh masyarakat Che Wong yang merupakan kaum minoriti menjadi perhatian kerana golongan minoriti ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan bahasa mereka. Sekiranya tidak maka masyarakat ini sedang diancam kepupusan dan akan hilang keasliannya (Amir Zal, 2013).

## **Masyarakat Orang Asli**

Orang Asli adalah orang asal yang mula-mula mendiami Tanah Melayu. Hasil kajian arkeologi yang dijalankan di beberapa gunung yang terletak di bahagian selatan dan utara Semenanjung menunjukkan bahawa nenek moyang Orang Asli telah mendiami Semenanjung sejak abad ke-8 SM, kira-kira kira-kira 10,000 tahun yang lalu (Mohd Fauzi, 2006). Orang Asli adalah minoriti di Malaysia (Nicholas, 2000; Sunaidin, 1997). Mereka dianggap minoriti kerana mereka semuanya berjumlah 178.197 pada tahun 2010 yang mewakili hanya 0.6 peratus daripada penduduk negara sebanyak 28 juta (Nicholas, 2012). Masyarakat Orang Asli bukan sahaja mempunyai bilangan yang kecil namun golongan ini merupakan satu kelompok masyarakat Malaysia yang masih ketinggalan dalam setiap aspek termasuklah ekonomi, sosial dan pendidikan berbanding dengan kumpulan etnik yang lain (KKLW, 2007 dalam Wan Afizi Wan Hanafi et al., 2014).

Menurut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA, 2003), Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Tiga kumpulan utama masyarakat orang asli tersebut dapat dipecahkan pula kepada beberapa suku yang lebih kecil. Suku Negrito, Senoi dan Melayu Asli (Proto) ini dapat pula dipecahkan kepada enam suku kecil. Suku Negrito merangkumi suku kaum Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Suku kaum Senoi pula merangkumi suku kaum Che Wong, Mah Meri, Jah Hut, Semoq Beri, Semai dan Temiar. Manakala suku Melayu Asli (Proto) pula merangkumi suku kaum Orang Laut (Kuala), Orang Kanaq, Orang Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan. Semua suku kaum ini mempunyai ciri-ciri tersendiri. suku Che Wong adalah sub-suku Senoi.

Orang Asli suku Senoi adalah masyarakat Orang Asli yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, orang-orang daripada suku Senoi dikatakan mendiami kawasan lereng Banjaran Titiwangsa. Kawasan yang dimaksudkan meliputi kawasan di pedalaman negeri Perak, Kelantan dan Pahang. Orang asli suku kaum Che Wong tinggal di kawasan pinggir di daerah Raub dan Temerloh, Pahang. Golongan masyarakat ini dahulunya hidup secara nomad iaitu gemar berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain untuk mendapatkan bekalan makanan. Walaupun masyarakat ini mendapat bantuan dan perhatian daripada kerajaan, namun ada sesetengahnya masih selesa menetap di dalam hutan. Sungguhpun begitu Orang Asli kini diberikan perhatian terutamanya oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA, 2010). Gaya hidup Orang Asli juga telah berubah disebabkan oleh pemodenan yang telah berlaku di negara ini. Mereka juga telah mengalami perubahan dalam pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, agama, politik dan bahasa.

### **Orang Asli Che Wong**

Suku kaum Orang Asli Che Wong merupakan pecahan dari suku Senoi yang mana komuniti ini berada di negeri Pahang. Menurut Mustaffa Omar et al. (2014) suku kaum Che Wong merupakan di antara enam kelompok masyarakat Orang Asli yang terkecil bilangannya di Negara ini. Selain itu, Orang Asli Che Wong juga boleh dianggap sebagai istimewa kerana mempunyai asal usul yang unik begitu juga dengan bahasa mereka. Asal-usul yang unik itu merujuk kepada dua cerita tradisional yang diperturunkan dari generasi kepada generasi seterusnya. Namun, warisan lisan itu akan hilang sekiranya tidak didokumentasikan. Menerusi sejarah lisan yang diperturunkan, terdapat dua versi masyarakat ini. Kedua-dua sejarah lisan tersebut mempunyai jalan cerita yang berbeza, namun mereka bersepakat berkenaan asal usul mereka. Asal-usul Orang Asli Che Wong dikatakan mempunyai susur galur dari keturunan Raja.

Tok Batin masyarakat orang asli Che Wong (Mohd. Bakri bin Tengku Ting atau lebih dikenali sebagai Tok Batin Bak) telah menjadi pemimpin bagi masyarakat orang asli di situ selama lebih daripada 40 tahun (Utusan Malaysia, 2009). Selain itu, Tok Batin Bak juga sebenarnya turut mengetuai empat lagi perkampungan masyarakat orang asli Che Wong, iaitu di Sungai Beranti, Lata Tujuh, Bayek dan Sungai Enggang. Melalui Tok Batin Bak sejarah berkaitan dengan asal usul masyarakat Che Wong dapat didokumentasikan.

Asal-usul ini mempunyai penjelasan yang berbeza, pertama menyatakan bahawa Raja itu merujuk kepada Raja Orang Asli sendiri kerana mereka mempercayai bahawa mereka penduduk asal di Semenanjung Malaysia dan mempunyai sistem politik yang tersendiri. Raja itu berkuasa dalam kalangan Orang Asli suku kaum Che Wong sahaja, Raja pertama itu dikenali sebagai Raja Pinang. Manakala asal-usul kedua, Raja merujuk kepada Raja yang berasal dari Siam yang bernama Che. Antara hujah yang digunakan bagi mengesahkan asal-usul ini ialah bahasa mereka yang hampir menyamai bahasa Siam. Keunikan kedua ialah Orang Asli Che Wong mempunyai bahasa yang hampir menyamai bahasa Siam. Namun, bahasa itu dipertuturkan dengan menggunakan dua loghat yang berbeza iaitu bahasa asli Che Wong dan bahasa pasar yang sering kali hampir menyamai bahasa Semelai. Kuala Gandah merupakan salah sebuah kampung Orang Asli yang didiami komuniti Orang Asli suku kaum Che Wong ini.

Menurut sejarah lisan yang diperoleh daripada Tok batin Orang Asli Che Wong, pada suatu ketika dahulu Orang Asli Che Wong suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mencari bahan-bahan makanan bagi kelangsungan hidup mereka.. Pada peringkat permulaannya, mereka menetap di kampung Titi yang terletak di Kuala Pahang, namun demikian, setelah berlakunya peristiwa Perang Rawa, Orang Asli mula berpindah secara beramai-ramai ke Temerloh. Beberapa lama kemudian, mereka berpindah ke Lanchang, kemudian ke Bolok, ke Ulu Terih dan akhirnya menetap di sekitar Kuala Gandah.

Menurut cerita yang disampaikan oleh Tok Batin, Orang Asli Che Wong juga pernah berhadapan dengan gerakan Gerila Komunis yang bergiat aktif berhampiran dengan perkampungan mereka. Sebilangan kecil Orang Asli pernah terlibat dengan Gerila Komunis sebagai pembeli makanan untuk Gerila Komunis. Gerila Komunis memberi wang kepada Orang Asli bagi tujuan tersebut. Peristiwa itu hanya berlaku dalam tempoh yang singkat sahaja. Selepas itu, Orang Asli mula menjauhi Gerila Komunis. Ia berlaku setelah berlakunya peristiwa Orang Asli suku Jah Hut yang tinggal di kawasan Kroh disembelih Gerila Komunis. Peristiwa penuh tragis itu telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada seluruh Orang Asli termasuklah Orang Asli Che Wong.

Kuala Gandah merupakan satu dari lima buah kampung yang berada di bawah Tok Batin yang sama. Empat buah kampung yang lain ialah Sungai Beranti, Lata Tujuh, Bayek dan Sungai Enggang. Populasi Orang Asli bagi kelima-lima kampung tersebut dianggarkan seramai 400 hingga 500 orang. Berhampiran dengan kampung Che Wong, terdapatnya kawasan pemeliharaan gajah yang diuruskan oleh pihak PERHILITAN. Sejak kerajaan memberi penumpuan untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat kini Orang Che Wong sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Daerah Raub terdapat 4 buah perkampungan dan daerah Jerantut 1 buah perkampungan Orang Che Wong yang berjumlah keseluruhannya 68 keluarga seramai 417 orang (Temu bual dengan Tok Batin Bak, 2012).

## **Metodologi kajian**

Bagi mengumpul data untuk dianalisis, sejumlah pemaklum dalam kalangan Orang Asli Che Wong telah dijadikan sebagai sampel kajian. Menurut Asmah (2008), dalam kajian bahasa,

teknik-teknik menentukan sampel boleh diambil dari kaedah-kaedah *survey* sosial. Asmah turut menegaskan bahawa persampelan rambang boleh digunakan tetapi ia tidaklah dilakukan secara rambang dalam erti kata sebenarnya. Misalnya, apabila berhadapan dengan satu kumpulan yang berjumlah 500 orang dan pengkaji hanya memerlukan sebanyak 50 orang. Maka nisbahnya ialah 1:10, dan ini bermakna bagi setiap 10 orang, pengkaji hanya memilih seorang sebagai sampel kajiannya. Sampel seperti ini juga dikenali sebagai sampel kemungkinan (*probability sample*) yang bermakna bahawa setiap orang dalam kumpulan tersebut mempunyai kemungkinan untuk dipilih sebagai sampel atau subjek kajian.

Penentuan sampel kajian juga merupakan faktor yang utama bagi mendapatkan data yang terbaik. Antara ciri-ciri penting seorang yang perlu diberi perhatian ialah jantina, umur dan faktor sosial. Sementara itu, Asmah Omar (2008), menekankan peringkat ini sangat penting kerana dapat mempengaruhi data yang dikumpulkan. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa informan bertugas sebagai pemaklum kepada pengkaji. Justeru, apa yang dianalisis dan yang kemudiannya dimasukkan ke dalam laporan mengenai sesuatu bahasa itu pada amnya menggambarkan apa yang sebenarnya ada dalam komuniti yang dikaji.

Sehubungan dengan itu, dalam mengumpulkan data, berdasarkan jumlah masyarakat Che Wong yang berjumlah 417 orang (Temu bual dengan Tok Batin Bak, 2012), maka borang soal selidik telah diedarkan kepada 50 orang responden yang dipilih secara rambang. Namun hanya 45 borang soal selidik telah berjaya dikembalikan. Daripada 45 borang soal selidik tersebut hanya 44 sahaja telah dianalisis kerana satu daripada borang tersebut tidak dilengkapkan oleh pemaklum. Responden dalam kajian ini terdiri daripada beberapa peringkat umur dan jantina. Walaupun kertas kerja ini membincangkan penemuan yang melibatkan jumlah responden yang hanya 44 orang, namun boleh dikatakan bahawa mereka membentuk sebahagian daripada sampel kajian bagi mendapatkan data berkaitan dengan penggunaan bahasa masyarakat orang Asli Che Wong. Selain itu, beberapa orang daripada responden tersebut telah dijadikan sebagai informan dalam melengkapkan data yang dikumpul.

## Paparan data kajian

Sebanyak 44 orang responden dalam kalangan masyarakat Orang Asli Che Wong telah menjawab soalan soal selidik dengan lengkap untuk kajian ini. Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden secara keseluruhan, Maklumat ini meliputi variabel jantina, umur, agama, pendidikan dan juga pekerjaan. Jumlah peratusan responden dalam kajian ini tertera dalam jadual 1.

Responden terdiri daripada 54.5% perempuan dan lelaki pula sebanyak 45.5%. Sementara bagi variabel umur pula, telah dibahagikan kepada kategori umur di antara 13-17 tahun sebanyak 20.5%, kategori umur 18-25 tahun sebanyak 27%, kategori umur 26-35 tahun sebanyak 18%, kategori umur 36-45% sebanyak 14.5%, kategori umur 46-55 tahun sebanyak 11% dan kategori umur 56 tahun ke atas sebanyak 9% sahaja. Di antara kategori umur ini, kategori umur 18-25 tahun mencatatkan jumlah responden tertinggi dan bagi kategori umur 56 tahun ke atas merupakan kategori responden yang paling kecil peratusannya..

Dari segi pendidikan, sebanyak 77 % responden tidak bersekolah dan hanya 23% telah mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja. Berdasarkan dapatan data kajian, tiada seorang pun responden yang mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah dan lebih tinggi. Sebahagian daripada responden yang bersekolah rendah adalah terdiri daripada kanak-kanak dan remaja. Bagi orang dewasa dan orang tua pula, mereka langsung tidak pernah ke sekolah atau menerima pendidikan secara formal. Berdasarkan maklumat yang telah diberikan, sekolah di kawasan penempatan suku kaum Che Wong baru sahaja dibina sekitar tahun 2000.

**Jadual 1. Profil demografi responden**

Maklumat	Peratus
<b>Jantina</b>	
Perempuan	54.5
Lelaki	45.5
<b>Umur</b>	
13-17	20.5
18-25	27
26-35	18
36-45	14.5
46-55	11
56 ke atas	9
<b>Agama</b>	
Tiada Agama	50
Islam	36
Kristian	14
Hindu	-
Buddha	-
<b>Pendidikan</b>	
Tidak bersekolah	77
Sekolah Rendah	23
Sekolah Menengah	-
Kolej/Universiti	-
<b>Pekerjaan</b>	
Tidak bekerja	50
Bekerja dengan kerajaan	9
Bekerja dengan swasta	9
Bekerja sendiri	32

*Sumber:* Data kajian lapangan

Bagi sektor pekerjaan pula, sejumlah masing-masing 9% mempunyai pekerjaan di sektor awam dan di sektor swasta. Hanya 32% sahaja yang bekerja sendiri. Mereka yang bekerja sendiri kebanyakan mendapatkan hasil daripada hasil hutan seperti contoh daripada pokok gerharu dan cendana. Sebanyak 50% tidak bekerja dan mereka yang tidak bekerja terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak. Malah ada juga golongan remaja lelaki dan perempuan yang termasuk dalam jumlah 50% tersebut.

Taburan bagi agama pula menunjukkan yang tidak menganuti mana-mana agama merupakan jumlah tinggi iaitu sebanyak 50%. Ini bermakna separuh daripada responden untuk kajian ini tidak mempunyai agama atau mereka masih lagi berpegang dengan kepercayaan budaya kaum mereka. Namun begitu terdapat juga responden yang telah menganut agama Islam iaitu sebanyak 36%, Sementara responden yang memilih untuk beragama Kristian adalah sebanyak 14%. Tidak ada seorang pun daripada responden yang menganut agama Buddha dan Hindu. Walaupun sebilangan besar daripada masyarakat ini masih tidak menganut mana-mana agama tetapi mereka masih boleh bertoleransi dan menerima ahli keluarga mereka yang menganut agama Islam atau Kristian.

## Tahap penguasaan bahasa

Penguasaan bahasa merupakan suatu kebolehan menguasai atau kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan, kepandaian terhadap sesuatu bahasa. Oleh itu penguasaan merupakan kemampuan seseorang yang dapat diterapkan pada situasi kebahasaan. Bahagian ini melihat tahap penguasaan bahasa dalam kalangan suku kaum Che Wong iaitu tahap penguasaan bahasa ibu mereka, bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa kedua terpenting selepas bahasa kebangsaan.

**Jadual 2. Tahap Penguasaan Bahasa Che Wong**

Bahasa	Amat Baik	Baik	Sederhana	Lemah	Amat Lemah
Bahasa Che Wong	100%	-	-	-	-
Bahasa Melayu	-	32%	64%	4%	-
Bahasa Inggeris	-	-	-	-	100%

*Sumber:* Data kajian lapangan

Berdasarkan jadual 2, semua responden iaitu 100% mengakui bahawa mereka dapat menguasai bahasa Che Wong dengan amat baik. Keadaan ini telah membuktikan bahawa suku kaum Che Wong sangat menyayangi bahasa mereka dan sentiasa menggunakan bahasa tersebut ketika berkomunikasi. Tahap penguasaan yang amat baik terhadap bahasa ibu, khususnya bagi masyarakat minoriti memberi gambaran yang amat positif bahawa bahasa mereka berada pada tahap yang tidak membimbangkan.


Bagi bahasa Melayu pula, tidak semua responden boleh menguasai bahasa Melayu. Ini ini berdasarkan pengakuan responden akan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka iaitu Seramai sebanyak 32% sahaja boleh menguasai bahasa Melayu dengan baik manakala sebanyak 64% mengakui bahawa bahasa Melayu mereka kuasai sederhana sahaja. Sementara itu terdapat sebanyak 4% daripada responden mengakui bahawa tahap bahasa Melayu mereka adalah lemah. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak dikuasai oleh seluruh suku kaum Che Wong. Namun begitu tidak ada di antara mereka yang meletakkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka pada tahap yang amat lemah. Pengakuan akan tahap penguasaan yang kebanyakan sederhana mungkin dinilai daripada aspek bahasa Melayu keseluruhannya kerana dari aspek lisan, ternyata masyarakat Orang Asli Che Wong dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan lancar.

Berbeza dengan bahasa Melayu, jadual 2 menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Che Wong tidak menguasai bahasa Inggeris. Kesemua responden iaitu sebanyak 100% suku kaum Che Wong meletakkan tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka pada tahap amat lemah. Hal ini boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan mereka yang kebanyakannya tidak mendapat pendidikan yang penuh. Walaupun penempatan baru mereka berada dekat dengan kawasan pelancongan namun disebabkan masyarakat suku Che Wong ini terkenal dengan sifat pemalu mereka, maka mereka tidak bergaul dengan orang asing. Sekiranya mereka bergaul dengan para pelancong asing, kemungkinan tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka di tahap yang lebih baik boleh saja dikuasai mereka.

## Penggunaan bahasa Che Wong

Untuk melihat penggunaan bahasa Che Wong dalam kalangan masyarakat orang Asli ini, sebanyak 22 soalan telah dikemukakan kepada responden dan pilihan jawapan yang diberi merangkumi lima tahap, iaitu amat kerap, kerap, selalu, kadang-kadang dan tidak pernah. Mereka dikehendaki menentukan penggunaan bahasa Che Wong dalam domain keluarga. Penggunaan bahasa Che Wong dapat menentukan kedudukan bahasa masyarakat minoriti ini.

*Penggunaan bahasa Che Wong ketika berinteraksi dengan ibu bapa*



**Rajah 1. Penggunaan Bahasa Che Wong Ketika Berinteraksi dengan Ibu Bapa**

*Sumber:* Data kajian lapangan

Berdasarkan Rajah 1, semua responden memilih jawapan amat kerap bagi menjawab soalan mengenai penggunaan bahasa Che Wong ketika berinteraksi dengan ibu bapa mereka. Hal ini kerana responden membesar di kawasan tersebut sejak kecil dan dikelilingi oleh masyarakat berbangsa sama iaitu suku Orang Asli Che Wong. Selain itu, responden juga cuba mengekalkan bahasa natif mereka daripada ditelan arus zaman. Penggunaan bahasa Che Wong yang dapat dikatakan secara menyeluruh dengan ibu bapa merupakan suatu yang positif. Situasi ini menunjukkan bahawa masyarakat Che Wong masih tetap kekal menggunakan bahasa mereka.


*Penggunaan bahasa Che Wong oleh ibu bapa ketika berinteraksi dengan responden*

Bersesuaian dengan penggunaan bahasa Che Wong oleh responden dengan ibu bapa mereka yang 100% peratus menggunakan bahasa tersebut, maka sudah pasti ibu bapa menggunakan bahasa Che Wong juga.

Berdasarkan penggunaan bahasa Che Wong oleh ibu bapa ketika bercakap dengan responden, kesemua responden memilih jawapan amat kerap yang bermaksud ibu bapa mereka menggunakan bahasa Che Wong setiap kali berkomunikasi dengan mereka. Hal ini kerana responden yang ditemui rata-ratanya berketurunan asli Che Wong. Mereka cuba mengelakkan perkahwinan campur walaupun dengan masyarakat orang asli daripada suku kaum lain. Walaupun terdapat beberapa orang responden yang ahli keluarganya berkahwin dengan suku kaum orang asli lain, namun disebabkan mereka tinggal dan menetap di



kawasan kejiranan masyarakat asli Che Wong, mereka juga turut menggunakan bahasa Che Wong.



## Rajah 2. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Ibu Bapa Ketika Berinteraksi dengan Responden


Sumber: Data kajian lapangan

### *Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berinteraksi dengan isteri/ suami*

Berdasarkan dapatan kajian dan hasil seperti dalam carta pai yang dinyatakan di atas, 68% memilih jawapan amat kerap iaitu bermaksud mereka menggunakan bahasa Che Wong ketika berkomunikasi dengan isteri atau suami. Sebanyak 32% responden pula menjawab tidak pernah kerana mereka masih belum berkahwin. Berdasarkan jawapan tersebut, boleh dikatakan bahawa kesemua responden yang telah berkahwin menggunakan bahasa Che Wong. Perkara ini merupakan suatu yang baik kerana responden cuba mengekalkan bahasa Che Wong dan mereka juga lebih selesa berinteraksi menggunakan bahasa tersebut bersama pasangan mereka.


### *Penggunaan bahasa Che Wong oleh isteri / suami ketika berinteraksi dengan responden*

Berdasarkan soalan mengenai penggunaan bahasa Che Wong oleh isteri / suami ketika berinteraksi dengan responden pula, jumlah peratusan adalah sama dengan soalan sebelumnya, iaitu sebanyak 68% memilih jawapan amat kerap dan 32% memilih jawapan tidak pernah. Responden yang memilih jawapan amat kerap merupakan mereka yang sudah berkahwin manakala responden yang memilih jawapan tidak pernah ialah mereka yang belum berkahwin. Menurut Tok Batin yang memimpin masyarakat orang asli Che Wong, mereka tidak menggalakkan perkahwinan campur malahan cuba mengelakkan perkara tersebut dengan seboleh-bolehnya sebagai usaha untuk mengekalkan suku kaum tersebut daripada diancam kepupusan. Oleh itu, bahasa asli yang dituturkan dan diperturunkan oleh nenek moyang mereka cuba dikekalkan



**Rajah 3. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Responden Ketika Berinteraksi dengan Isteri / Suami**

Sumber: Data kajian lapangan




**Rajah 4. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Isteri / Suami Ketika Berinteraksi dengan Responden**

Sumber: Data kajian lapangan

*Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berinteraksi dengan anak-anak*

Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berinteraksi dengan anak-anak mereka juga penting bagi mengekalkan bahasa etnik mereka. Anak-anak atau generasi muda, merupakan pewaris kepada pengekalannya sesebuah bahasa.




**Rajah 5. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Responden Ketika Berinteraksi dengan anak-anak**

*Sumber:* Data kajian lapangan

Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berkomunikasi dengan anak-anak juga menunjukkan peratusan yang sama dengan soalan sebelumnya, iaitu 68% memilih jawapan amat kerap dan selebihnya memilih jawapan tidak pernah. Hal ini kerana responden yang memilih jawapan tidak pernah masih lagi belum berkahwin. Keadaan persekitaran suku kaum ini yang jauh daripada masyarakat lain menyebabkan kebanyakan daripada mereka hanya tahu bahasa yang dipertuturkan sejak dari kecil oleh ibu bapa dan keluarga mereka dan secara tidak langsung turut menggunakan bahasa sama ketika berkomunikasi dengan anak-anak. Responden juga lebih gemar dan masih selesa tinggal di kawasan hutan menyebabkan keadaan tersebut membuatkan mereka hanya bergaul dengan suku kaum Che Wong sahaja.

*Penggunaan bahasa Che Wong oleh anak-anak ketika berinteraksi dengan responden*

Rajah 6 menunjukkan anak-anak responden juga turut menggunakan bahasa yang digunakan oleh kedua-dua ibu bapa mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Kehidupan mereka yang jauh daripada masyarakat kaum lain dan penempatan yang terletak di kawasan pedalaman menyebabkan pergaulan mereka dengan masyarakat luar menjadi terhad. Selain itu mereka juga merupakan golongan orang Asli yang terkenal dengan sifat malu. Secara tidak langsung mereka hanya berada dalam lingkungan mereka dan menggunakan bahasa yang dituturkan oleh kaum keluarga. Kehidupan bersama kelompok yang sama membuatkan bahasa natif mereka digunakan semasa berinteraksi. Anak-anak daripada suku kaum Che Wong juga kebanyakannya diasuh untuk menggunakan bahasa asli Che Wong dalam kehidupan seharian sehingga mereka dapat menguasai bahasa ibu mereka dengan baik.




**Rajah 6. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Anak-anak Ketika Berinteraksi dengan Responden**

Sumber: Data kajian lapangan

*Penggunaan bahasa Che Wong ketika berinteraksi dengan adik-beradik*

Berdasarkan Rajah 7, dapat diperhatikan bahawa kesemua responden memilih jawapan amat kerap apabila soalan mengenai penggunaan bahasa Che Wong ketika berkomunikasi dengan adik-beradik mereka. Hal ini menunjukkan bahawa mereka masih kuat berpegang kepada amalan tradisi yang diperturunkan sejak zaman nenek moyang mereka supaya dapat mengekalkan bahasa ibunda mereka. Mereka percaya, dengan cara tersebut sahaja mereka mampu menyelamatkan bahasa asli Che Wong daripada beralih kepada bahasa lain. Bukan itu sahaja, pemerhatian dan kajian yang dijalankan menunjukkan anak-anak orang asli Che Wong yang sudah dewasa masih tinggal bersama keluarga atau di kawasan berdekatan dengan kediaman keluarga masing-masing. Hal tersebut secara tidak langsung menyebabkan bahasa yang mereka gunakan dalam pertuturan seharian dikekalkan kepada bahasa Orang Asli Che Wong.




**Rajah 7: Penggunaan Bahasa Che Wong Ketika Berinteraksi dengan Adik-beradi**

Sumber: Data kajian lapangan

### *Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Adik-beradik Ketika Berinteraksi dengan Responden*

Rajah 8 adalah penggunaan bahasa Che Wong oleh adik beradik ketika mereka berinteraksi dengan responden.. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa 100% responden iaitu seramai 44 responden yang terlibat memilih jawapan amat kerap bagi soalan mengenai penggunaan bahasa Che Wong oleh adik-beradik ketika berkomunikasi dengan responden. Kehidupan seharian yang dikelilingi oleh masyarakat daripada kelompok suku kaum yang sama menyebabkan bahasa pertuturan seharian yang digunakan adalah bahasa yang dikuasai dengan baik. Ternyata masyarakat Orang Asli Che Wong ini begitu setia dengan bahasa mereka. Walaupun mereka bergaul dengan masyarakat setempat yang bukan daripada suku kaum mereka tetapi mereka tidak terpengaruh dan beralih kepada bahasa lain seperti bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Malah adik beradik responden masih terus menggunakan bahasa Che Wong apabila berinteraksi dengan responden. Suasana kebahasaan ini member kesan yang positif untuk bahasa Orang Asli Che Wong untuk terus bertahan walaupun dikelilingi oleh bahasa yang lebih dominan.




**Rajah 8. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Adik-beradik Ketika Berinteraksi dengan Responden**

*Sumber:* Data kajian lapangan

### *Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berinteraksi dengan datuk dan nenek*

Rajah 9 memperlihatkan penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika responden berinteraksi dengan datuk dan nenek responden. Rata-rata kesemua 44 responden memilih jawapan amat kerap menggunakan bahasa Che Wong semasa berinteraksi dengan datuk dan nenek mereka. Hal ini membuktikan bahawa kaum Che Wong masih berpegang kuat kepada bahasa mereka baik golongan muda mahupun golongan tua. Hal ini mungkin juga disebabkan kurangnya perkahwinan campur dalam kalangan ahli keluarga mereka yang menyebabkan mereka mempunyai pilihan untuk menggunakan bahasa lain semasa berkomunikasi. Oleh itu mereka selesa untuk dalam bahasa asli Che Wong tersebut.



**Rajah 9. Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berinteraksi dengan datuk dan nenek**


*Sumber:* Data kajian lapangan

*Penggunaan bahasa Che Wong oleh datuk dan nenek responden ketika berinteraksi dengan responden*

Dalam rajah 10, responden menggunakan bahasa Che wong semasa berinteraksi dengan datuk dan nenek mereka. Berdasarkan data ini, ia menunjukkan nilai peratusan 100% responden menyatakan amat kerap bagi datuk dan nenek mereka menggunakan bahasa Che Wong dengan responden. Golongan generasi tua masyarakat Orang Asli Che Wong ini ternyata terus menggunakan bahasa mereka untuk berinteraksi dengan cucu cicit mereka. Antara faktor yang menyebabkan fenomena ini terjadi ialah kerana bahasa Che Wong tersebut begitu kuat kedudukannya dalam suku kaum Che Wong sehinggakan generasi muda suku kaum ini juga tahu dan fasih bertutur menggunakan bahasa ini. Keadaan ini membuatkan golongan tua terus menggunakan bahasa ini kerana tiada masalah untuk golongan muda memahaminya.


*Penggunaan bahasa Che Wong oleh responden ketika berinteraksi dengan saudara mara*

Rajah 11 menunjukkan sebanyak 96% responden menggunakan bahasa Che Wong semasa berinteraksi dengan kaum keluarga. Namun terdapat 4 % yang telah memilih jawapan selalu menggunakan bahasa Che Wong ketika berinteraksi dengan saudara mara mereka. Jumlah 4% tersebut ternyata terdiri daripada mereka yang mempunyai keluarga kahwin campur dengan suku kaum Orang Asli lain atau masyarakat setempat. Namun begitu jumlah amat kurang. Berikutan dengan itu maka terdapat responden yang menggunakan bahasa selain bahasa Che wong dengan saudara mara. Namun begitu bahasa Che Wong tetap digunakan oleh responden semasa berinteraksi dengan saudara mara mereka. Penggunaan bahasa Che Wong dalam suasana ini boleh menjamin kelestarian bahasa ini.



**Rajah10. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Datuk dan Nenek Responden Ketika Berinteraksi dengan Responden**

Sumber: Data kajian lapangan




**Rajah 11. Penggunaan Bahasa Che Wong oleh Responden Ketika Berinteraksi dengan Saudara Mara**

Sumber: Data kajian lapangan

*Penggunaan bahasa Che Wong oleh saudara mara responden ketika berinteraksi dengan responden*

Rajah 12 menunjukkan penggunaan bahasa Che Wong oleh saudara mara responden ketika berinteraksi dengan responden. Sebanyak 96% memilih jawapan amat kerap dan hanya 4% yang memilih jawapan selalu untuk menjawab soalan berkaitan dengan penggunaan bahasa saudara mara dengan responden. Suku kaum ini yang terkenal berpegang kuat dengan adat dan budaya serta bahasa mereka terus kekal menggunakan bahasa Che Wong semasa

berinteraksi dengan responden. Mereka berusaha untuk mengekalkan ciri yang boleh melambangkan suku kaum terutama bahasa Che Wong yang mereka miliki. Saudara mara merupakan ahli keluarga yang dekat dan penggunaan bahasa Che Wong ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Che Wong ini dapat mempertahankan bahasa mereka walaupun terdedah dengan bahasa lain.



**Rajah 12. Penggunaan bahasa Che Wong oleh saudara mara responden ketika berinteraksi dengan responden**

*Sumber:* Data kajian

## Kesimpulan

Kajian yang dilakukan terhadap penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong ini mendapati bahawa masyarakat ini masih aktif menggunakan bahasa Che Wong sebagai bahasa pertuturan mereka. Walaupun masyarakat ini merupakan golongan minoriti yang berada dalam lingkungan masyarakat yang dominan berbahasa Melayu, namun mereka tetap kuat dengan bahasa dan budaya mereka. Penggunaan bahasa yang lebih kepada bahasa Che Wong membuktikan bahawa masyarakat ini walaupun kecil bilangannya tetapi masih teguh mempertahankan bahasa mereka.

Secara keseluruhannya, penggunaan bahasa Che Wong dalam kalangan masyarakat Che Wong adalah tinggi. Sungguhpun bahasa Che Wong merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat ini, namun bahasa Melayu tidak terus dipinggirkan kerana masyarakat Orang Asli Che Wong ini tahu menggunakan bahasa mengikut fungsi dan situasi. Masyarakat ini terdedah dengan bahasa Melayu oleh masyarakat sekeliling dan juga melalui pendidikan di sekolah. Selain itu, terdapat juga masyarakat Orang Asli yang bekerja dengan kerajaan dan di sektor wasta berbanding dengan sebilangan besar yang masih tinggal di hutan dan bergantung pada hasil pertanian seperti menoreh getah, bercucuk tanam dan sebagainya. Sungguhpun begitu, bahasa Che Wong terus digunakan dan menjadi bahasa utama sewaktu berinteraksi dalam masyarakat ini. Oleh itu, masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong sudah pasti dapat mengekalkan bahasa dan identiti bangsa mereka dengan penggunaan bahasa Che Wong dalam situasi pertuturan dalam kalangan mereka khususnya dalam domain keluarga dan kekeluargaan.



## Rujukan

- Amir Zal WA (2013) Pembentukan modal insan Orang Asli Darat dan Laut di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. **9** (4), 1-14.
- Fishman JA (1991) Reversing language shift, Clevedon, UK, Multilingual Matters Ltd.
- Fishman J (1972) The relationship between micro and macro sociolinguistics in the study of who speak what language to whom and when, Dalam J. B. Pride & Janet Holmes (eds). *Sociolinguistics.: Selected Readings*. Hommondsworth: Penguin Books Ltd.
- Holmes J (2008) *An Introduction to Sociolinguistics*. London & New York: Routledge
- JHEOA (2003) *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- Llamas CL, Mulany & Stockwell P (eds). (2007) *The Routledge Companion to Sociolinguistics*. London & New York: Routledge
- Mohd Fauzi Harun (2006) *Peminggiran dan kemiskinan Orang Asli di negeri Perak*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Murkejee D (2003) Role of woman in language maintenance and shift: Focus on the Bengali Community in Malaysia. *International Journal of Sociology of Language*.161: 103-120.
- Mustaffa Omar, W.A. Amir Zal, Sharina Halim & Hood Salleh (2014) Status modal insan dalam menjamin kelestarian hidup Suku Che Wong dan Jahut: Suatu analisis perbandingan. *Malaysian Journal of Society and Space*. **10** (3), 73-89.
- Nelson D (2007) Language Death. Dalam Llamas CL, Mulany & Stockwell P (eds). *The Routledge Companion to Sociolinguistics*. London & New York: Routledge.
- Nicholas C (2000) *The Orang Asli and The Contest for Resources: Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Denmark: International Work Group for Indigenous Affairs.
- Pride JB & Holmes J (eds). (1972) *Sociolinguistics.: Selected Readings*. Hommondsworth: Penguin Books Ltd.
- Sunaidin SKC (1997) *Ke arah peningkatan taraf hidup penduduk Orang Asli Simpang Arang dalam konteks pembangunan bandar Nusajaya*. (Unpublished bachelor degree thesis). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Utusan Malaysia. (2009) Terbitan bulan *Julai*.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shahrudin Ahmad & Noraziah Ali (2014) Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*. **10** (5), 107-122.
- Zulkifley Hamid (2014) Faktor persekitaran sekolah dan etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. **10** (5), 99-109.